

CANTIK BERSERI SEBELUM NIKAH

KAEDAH MURAH DAN MUDAH

Teks: Mariam Shukor

Nak cantik, tidak perlukan alasan, yang penting usaha dan sedikit pengorbanan. Masa dan duit jangan diambil kira kerana itulah sebahagian harga yang perlu kita bayar untuk cantikkan diri sendiri. Tetapi tidak pula menyuruh untuk berhabisan untuk cantik, terdapat banyak kaedah yang boleh anda lakukan untuk cantik sebelum nikah. Jom baca tip ringkas di bawah.

Jus Pembakar Lemak


Bagi yang ingin membuang lemak dalam tubuh, cuba amalkan minum jus ini setiap pagi. Cara mudah, hanya kisar sebiji epal, setengah biji timun dan setangkai saderi. Ia bukan sedar boleh menurunkan berat badan malahan ia boleh meredakan sakit kepala.

Tangan lembut

Lenyek pisang dan gaulkan dengan sedikit mentega. Lumur pada tangan dan urat perlahan-lahan. Basuh bersih setelah kering. Lakukan sekerap mungkin untuk hasil yang menakjubkan.

Naik seri muka

Wajah sihat akan kelihatan kemerah-merahan. Bagi menaikkan seri wajah, amalkan membasuh muka dengan menggunakan air basuhan beras yang ketiga. Kemudian bilas muka dengan air bersih selepas 10 minit. Amal selalu In Shaa Allah, wajah anda bakal naik seri sebelum bernikah.



Bulu mata dan kening lebat

Ingin kelihatan cantik, gunakan lendir pokok lidah buaya dan sapukan pada kening dan bulu mata. Lakukan berulang kali untuk mendapatkan hasil yang terbaik.

Atasi masalah rambut bercabang

Ambil bunga raya yang bersih ramas sehingga keluar lendir dan campurkan dengan sebiji telur ayam kampung berserta madu lebah. Gaul dan sapukan pada rambut dan perap dengan tuala selama 10 minit dan bilas kemudian keringkan. Amalkan dua kali seminggu.

Bibir cantik berseri

Untuk miliki bibir merah bak delima, hiris dan rendam kunyit hidup di dalam air panas. Gabungkan 1/3 cawan air kunyit hidup, 1/3 cawan santan kelapa dan garam secup rasa. Kacau dan minum setiap pagi.

Masker telur putih

Ambil dua biji telur putih dan pukul sehingga kembang, kemudian sapu pada wajah selama 20 hingga 30 minit. Biarkan kering sebelum dicuci bersih. Putih telur dapat menegangkan kulit dan menghilangkan jerawat.